

31/01/2000

Reformasi buka pemikiran lebih penting

Azizi Othman in London

LONDON, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia perlu melakukan reformasi `membuka mata, telinga, hati dan fikiran' bagi memastikan mereka mampu membuat penilaian bijak dalam pelbagai perkara.

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan mengakui pelbagai pembaharuan perlu dilakukan, reformasi membuka pemikiran lebih penting dan mesti dilakukan terlebih dahulu.

"Malang sekali di negara kita kini wujud golongan berpemikiran tertutup dan langsung tidak mahu mendengar pendapat pihak yang berbeza dengan mereka.

"Mereka membuat keputusan mengenai pendirian mereka dan lepas itu langsung tidak mahu lagi mendengar pendapat, penjelasan atau apa saja penerangan daripada sesiapa yang lain.

"Perkara ini mendorong mereka membuat keputusan silap kerana ia berdasarkan kepada pendapat satu pihak saja," katanya pada majlis dialog bersama penuntut dan rakyat Malaysia di sini, petang ini.

Hadir sama pada majlis selama dua jam di Dewan Besar Malaysia Hall itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, anaknya Mukhriz dan Maizurah serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohd Amir Jaffar.

Perdana Menteri berkata, mempunyai mata, telinga, pemikiran dan hati terbuka penting bagi memastikan rakyat Malaysia boleh menjadi pengadil yang adil dalam sesuatu perkara.

"Kita hidup dalam zaman IT dan di mana maklumat boleh datang dengan banyak. Oleh kerana ada yang berguna dan ada yang tidak serta ada yang betul dan ada yang salah, kita perlu dapat menilainya dengan baik.

"Kalau kita tidak mahu menilainya dengan mata, hati dan telinga dan fikiran terbuka, maka kita akan membuat keputusan atau penilaian yang tidak baik," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir, sebagai manusia sesiapa pun tidak terlepas daripada kesilapan termasuk dirinya dan semua pihak perlu berfikiran terbuka supaya dapat membuat penilaian yang baik.

"Kita perlu dengar pendapat banyak pihak. Kalau ada tuduh menuduh, kita perlu dengar apakah benar tuduhan itu berlaku atau tidak. Tanpa mata, telinga dan fikiran terbuka, kita tidak akan mampu berlaku adil," katanya sambil memberi contoh pada pilihan raya umum lalu yang mana sesetengah pihak langsung tidak mahu mendengar pendapat orang lain.

"Oleh itu mereka membuat penilaian salah termasuk menerima pelbagai tuduhan kononnya pihak tertentu melakukan sesuatu yang tidak baik sedangkan ia tanpa asas atau bukti kukuh.

"Jadi golongan ini sudah menutup mata, hati dan telinga mereka. Golongan seperti ini sudah taksud dan jadi fanatik. Orang yang fanatik sering membuat perkara yang tidak baik," katanya.

Menurutnya, perkara itu sudah berlaku dalam politik semasa sehingga ada orang yang tidak mahu langsung mendengar penjelasan kerana mereka mempunyai rasa benci dan marah yang amat kuat dalam hati masing-masing.

Dr Mahathir berkata, kita mempunyai sistem pengadilan iaitu apabila membicarakan sesuatu kes, pendapat kedua-dua pihak atau pihak lain yang mempunyai maklumat perlu didengar.

Sementara itu, katanya, kegagalan membuat penilaian atau pengadilan waras berasas kepada kebenaran akan menjurus kepada perpecahan.

"Bila masyarakat berpecah, ia akan lemah dan walaupun ada yang rasa mereka mendapat manfaat daripada perpecahan ini, yang mendapat manfaat

sebenarnya ialah orang asing yang memang berniat menjajah kita.

"Walaupun kita sudah bebas daripada penjajahan politik, masih ada cara untuk menakluk kita termasuk menerusi budaya dan ekonomi yang akhirnya menyebabkan kebebasan politik turut tergadai," katanya.

Menurut Dr Mahathir, perkara itu jelas kerana hati mata, telinga dan fikiran tertutup ini sudah menyebabkan sebahagian daripada masyarakat kita hari ini terpengaruh dengan anasir tidak baik.

"Sebagai contoh, hari ini kita diajar supaya tidak lagi berterima kasih sebaliknya diasuh berpendirian bahawa apa yang kita dapat ialah hak kita dan bukannya diberi oleh sesiapa.

"Selain itu, kita juga berdepan dengan pengaruh supaya melupakan sejarah kerana ia kononnya hanya kisah orang dahulu kala dan tidak kena-mengena dengan kita yang hanya perlu memikirkan hari ini saja," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang sebenarnya ialah sejarah amat penting kerana tanpanya kita tidak akan tahu dari mana kita, di mana kita kini dan ke mana kita tuju, sama ada maju atau mundur.

(END)